

06 SEP 2001

MAHATHIR-STATUS

TIADA STATUS MSC BAGI SYARIKAT LUAR KORIDOR

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Syarikat-syarikat yang terletak di luar Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak akan diberikan status MSC, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kami tidak akan memberi status kepada syarikat-syarikat di luar koridor kerana ia akan menggagalkan keseluruhan tujuan mengwujudkan MSC...kami telah melabur begitu banyak dalam koridor ini," katanya kepada pemberita pada penghujung hari pertama mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang berlangsung selama tiga hari di sini.

MSC meliputi kawasan seluas 750 km persegi dari Kuala Lumpur hingga Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang yang dikenali sebagai pusat pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi serta produk dan perkhidmatan multimedia. Syarikat-syarikat berstatus MSC menikmati beberapa kelebihan seperti mengambil pekerja asing berkebolehan dan insentif cukai.

Bagi kepentingan pembangunan MSC, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mempunyai niat untuk memberi status istimewa itu kepada syarikat-syarikat di luar koridor.

Mengenai isu lain, perdana menteri berkata kerajaan sedang mencari rakan kongsi baru bagi e-village negara, yang telah dibebani dengan masalah kewangan.

"Kita tidak membatalkannya. Pelaburan awal kita tidak mencukupi tetapi memulihkannya akan mengambil sedikit masa kerana kita terpaksa menunggu satu lagi pihak menyertainya," jelas beliau.

E-village dilancarkan lebih setahun yang lalu tetapi projek itu tidak mencapai sasaran setelah kekurangan dana khususnya sokongan yang lembap daripada industri pembuat filem tempatan.

Syarikat yang menjalankan e-village, Entertainment Village Sdn Bhd, kini telah menyerahkan kembali kepada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Mengenai desas desus yang MDC akan disusun semula, pengerusi eksekutifnya, Tan Sri Othman Yeop Abdullah, berkata terdapat rancangan untuk mengurangkan pelaburannya dan membawa masuk mereka yang lebih berkebolehan.

Semasa diminta menjelaskan dengan lebih lanjut, beliau mendedahkan yang beberapa orang akan dikeluarkan termasuk beliau, dan berkata "begitulah caranya."

Antara pelaburan yang akan terjejas ialah Knowledge Workers Exchange Bhd (KWX) di mana MDC akan mengurangkan pegangan dan saham majoriti akan dipegang oleh satu pihak dari Jordan, kata beliau.

MDC, kata beliau, juga mencari mereka yang berminat dengan kepentingan ekuitinya untuk membeli dalam Optica Technologies Sdn Bhd, syarikat pengeluar skrin.

-- BERNAMA

SR/SHO FR SHY NHD